

15 JUN 2002

Ling-UTAR

UTAR TERIMA SIAPA SAHAJA YANG LAYAK, KATA DR LING

ALOR GAJAH, 15 Jun (Bernama) -- Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) menerima permohonan kemasukan daripada sesiapa sahaja yang layak tanpa mengira kaum, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Bagi MCA, UTAR terima sesiapa saja yang layak. Tak kira kaum Cina, Melayu, Iban, India, Kadazan dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Kuih Chang di A Famosa Resort, di sini.

Dr Ling, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu UTAR, berkata beliau sedia menerima sebarang cadangan daripada mana-mana pihak termasuk Pergerakan Pemuda Umno yang boleh meningkatkan lagi permohonan orang Melayu dan bumiputera ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini.

"Kita akan timbang dan terima (cadangan) dengan baik," katanya.

Menteri Pengangkutan itu juga berkata beliau bersedia bertemu dengan Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang juga Menteri Belia dan Sukan pada bila-bila masa dan secepat mungkin untuk menyelesaikan isu kuota 10 peratus kemasukan bumiputera di IPTS.

"Kalau ada apa-apa idea daripada beliau (Hishammuddin), kita boleh bincang. Setakat ini, kita bincang perkara itu dalam sebuah keluarga Barisan Nasional (BN)," katanya.

Ditanya bila pertemuan itu akan diadakan, Dr Ling berkata: "Secepat mungkin. Saya pun baru balik dari luar negeri (mengikuti rombongan Perdana Menteri ke Luxembourg)."

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tidak bersetuju dengan penetapan kuota 10 peratus untuk pelajar bumiputera ke IPTS, beliau berkata: "Kita terima dengan baik apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri itu."

Dr Ling berkata tidak perlu ada kuota 10 peratus ditetapkan kerana kemungkinan pelajar Melayu yang layak memasuki IPTS adalah lebih daripada itu.

Ditanya kemungkinan UTAR menerima lebih banyak permohonan daripada kaum lain, beliau berkata universiti sentiasa menggalakkan semua kaum memohon masuk UTAR.

"Sebenarnya, ada empat permohonan masuk ke UTAR diterima daripada pelajar Melayu. Kita panggil tiga, tapi yang daftar cuma seorang sahaja," katanya.

Menurutnya kemasukan majoriti kaum Cina ke UTAR adalah disebabkan unversiti itu masih baru dan belum dikenali kaum lain.

"Kita akan buat promosi UTAR dari semasa ke semasa kepada kaum lain," katanya.

-- BERNAMA

SBS NAK